

BAKAL PEMBELI ADALAH DINASIHATKAN SUPAYA MELAKUKAN PERKARA - PERKARA BERIKUT SEBELUM JUALAN LELONG DIADAKAN

- 1) Membaca dan memahami dengan teliti terma dan syarat - syarat jualan.
- 2) Butir-butir hartanah adalah berdasarkan Laporan Penilaian dan perjanjian - perjanjian pembiayaan yang mana berdasarkan pengetahuan kami adalah benar. Walaubagaimanapun pembida hendaklah membuat carian rasmi atas hakmilik induk di pejabat tanah dan/atau pihak berkuasa berkenaan. Perjanjian ini tidak akan menjadi terbatal sekiranya terdapat perbezaan berkenaan butir-butir hartanah.
- 3) Memeriksa hartanah dan butir-butir mustahak dalam dokumen serta memastikan alamat pos hartanah dengan pihak pemaju.
- 4) Memeriksa dengan pemaju mengenai status pengeluaran hakmilik individu.
- 5) Pembida yang berjaya (Pembeli) dikehendaki sejurus selepas penjualan hartanah ini membuat permohonan dan mendapatkan kebenaran tukarmilik (jika ada) daripada pemaju dan/atau pihakberkuasa lain atau badan yang berkaitan.
- 6) Meminta nasihat undang-undang mengenai terma dan syarat jualan.
- 7) Membuat pertanyaan kepada pemaju untuk memastikan sama ada dijual secara terbuka atau kepada Warganegara Malaysia yang Bumiputra sahaja.
- 8) Membuat pertanyaan dengan pihak berkuasa berkenaan dan pemaju mengenai Sekatan Kepentingan, Terma dan Syarat-syarat kebenaran.
- 9) Hartanah tersebut dijual dalam keadaan "**Seperti sedia ada**"
- 10) Pihak LPPSA tiadak akan bertanggungjawab untuk mendapat kebenaran pindahmilik daripada pemaju dan/atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak berkenaan sebelum atau selepas jualan lelong.

HARGA RIZAB :-

Hartanah tersebut akan dijual secara keadaan "**Seperti sedia ada** " tertakluk kepada satu harga rizab , syarat- jualan dan kebenaran yang diperolehi oleh Pembeli dari Pemaju/Pemilik Tanag dan Pihak Berkuasa yang lain, jika ada

DEPOSIT :-

Bagi penawar yang ingin membuat tawaran adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga rizab secara BANK DERAH sahaja atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** sebelum lelongan kepada peleleong dan baki wang belian hendaklah dijelaskan dalam tempoh (120) hari dari tarikh jualan.

DOKUMEN- DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA SEMASA HARI LELONG

- 1) Bank draf bersamaan 10% daripada harga rizab hartanah di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM**
- 2) Keperluan:
 - a. Pembelian peseorangan
 - Kad Pengenalan asal dengan Salinan fotokopi (bahagian hadapan & belakang) untuk semakan dan pendaftaran
 - Alamat surat menyurat
 - No telefon yang mudah dihubungi
 - b. Syarikat korporat/firma
 - Salinan sah Memorandum dan Article of Association (M&A)
 - Borang 44 , 24 dan 49
 - Salinan resolusi pengarah
 - c. Ejen/Wakil
 - Surat wakil daripada pembeli
 - Salinan fotokopi kad pengenalan pembeli (bahagian hadapan & belakang)
- 3) Tambahan bayaran dalam bentuk Bank Draf yang mencukupi bagi membayar perbezaan di antara deposit yang dibayar semasa pendaftaran dengan jumlah harga belian yang bersamaan 10% daripada harga jualan yang Berjaya ditawarkan.
- 4) Penawar yang berumur kurang dari 18 tahun dan juga seorang bankrap tidak akan dibenarkan untuk membuat tawaran di Lelong Awam Mini.